

**5 Mac 2025**

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Tahunan 1 MSPO Bagi  
Felda Gugusan Selancar**

**Felda Gugusan Selancar** telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian tahunan 1 Malaysian Sustainable Palm Oil untuk **Felda Gugusan Selancar**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **7 ladang** yang diuruskan oleh **Felda Gugusan Selancar**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian tahunan 1 bagi **Felda Gugusan Selancar** pada **21.04.2025-24.04.2025**. Penilaian akan diadakan menurut MS 2530-2-2:2022 General Principles for Organized Smallholders (less than 40.46 hectares). Salinan Standard MS 2530-2-2:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: [central@jsm.gov.my](mailto:central@jsm.gov.my). Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Felda Selancar 01	Felda Selancar 1, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah Pahang	1288.88	N 2° 42' 54.0" E 102° 57' 18.0"
Felda Selancar 02	Felda Selancar 2, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah Pahang	1477.75	N 2° 37' 50.0" E 103° 01' 00.0"
Felda Selancar 03	Felda Selancar 3, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah Pahang	1482.71	N 2° 39' 03.7" E 103° 00' 44.2"
Felda Selancar 04/05	Felda Selancar 4/5, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah Pahang	1141.25	N 3° 02' 30.0" E 103° 00' 59.0"
Felda Redong	Felda Redong 1, Mukim Labis, 85300 Segamat, Johor	2803.98	N 2° 30' 19.0044" E 103° 16' 49.432"
FELDA Pemanis 1	Felda Pemanis 1, 85009 Segamat, Johor	2180.19	N 2° 35' 40.7" E 102° 53' 43.3"
FELDA Pemanis 2	Pejabat Felda Pemanis 2, 85009 Segamat, Johor	1993.79	N 2° 36' 25.8" E 102° 53' 44.3"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>.

Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian tahunan 1 di **Felda Gugusan Selancar** terdiri daripada:

- i) Encik Mohamad Irwan Bin Senin sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) Puan Siti Norfaidah Jastinawani Bt Jasmi sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) Encik Muhammad Farhan Bin Muhammad Tajmuddin Shah sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 22.04.2025  
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari  
Lokasi : Felda Selancar 1, Mukim Keratong, 26700 Muadzam Shah Pahang

*Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimitkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.*

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Atika Binti Bakar  
Trans Certification & Inspection Sdn.  
Bhd.  
No. B30, Tingkat 1,  
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,  
25200 Kuantan Pahang  
Tel: +609-5751333.  
Email: [info@transcert.com.my](mailto:info@transcert.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

**Pegawai Pengesahan (Certifier)**

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.